

بِالْقَوْمِ أَوْ بِالْوَفْدِ غَيْرِ خَزَائِنَا وَلَا نَدَامَى قَالَ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا نَأْتِيكَ مِنْ شِقَّةٍ بَعِيدَةٍ وَإِنْ بَيْنَنَا وَبَيْنَكَ هَذَا الْحَيَّ مِنْ كُفَّارٍ مُضَرٍّ وَإِنَّا لَا نَسْتَطِيعُ أَنْ نَأْتِيكَ إِلَّا فِي شَهْرِ الْحَرَامِ فَمُرْنَا بِأَمْرٍ فَصَلَّ نُخْبِرَ بِهِ مَنْ وَرَاءَنَا نَدْخُلُ بِهِ الْجَنَّةَ قَالَ فَأَمَرَهُمْ بِأَرْبَعٍ وَنَهَاهُمْ عَنْ أَرْبَعٍ قَالَ أَمَرَهُمْ بِالْإِيمَانِ بِاللَّهِ وَحْدَهُ وَقَالَ هَلْ تَذَرُونَ مَا الْإِيمَانُ بِاللَّهِ قَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَصَوْمُ رَمَضَانَ وَأَنْ تُؤَدُّوا خُمُسًا مِنَ الْمَغْنَمِ وَنَهَاهُمْ عَنِ الدُّبَاءِ وَالْحَنْتَمِ وَالْمَرْفَتِ

15- Abu Jamrah meriwayatkan, katanya, dahulu aku bertugas sebagai jurubahasa Ibnu `Abbaas dengan orang ramai.⁷² Tiba-tiba ada seorang wanita datang bertanya beliau tentang ‘nabidz al-jarr’⁷³ (sejenis minuman keras). Jawab beliau, sesungguhnya rombongan Abdul Qais pernah mengunjungi Rasulullah s.a.w., Baginda s.a.w. bertanya, siapakah rombongan atau kaum itu?⁷⁴ Mereka menjawab, Rabi`ah. Baginda pun berkata, selamat datang kepada kaum atau rombongan⁷⁵ yang datang dalam keadaan tidak terhina dan menyesal. Mereka pun berkata, wahai Rasulullah, sesungguhnya kami telah menempuh satu perjalanan yang sukar lagi jauh untuk menemui anda. Di antara tempat kami dan tempat anda terdapat kawasan perkampungan golongan kafir Mudhar. Kami tidak dapat mengunjungi anda kecuali pada bulan haram, oleh itu berilah kami suatu panduan yang nyata untuk kami sampaikan kepada orang-orang yang tidak datang bersama kami, agar kami (semua) dapat memasuki syurga. Beliau (Ibnu `Abbaas) berkata, “Rasulullah s.a.w. memerintahkan kepada mereka empat perkara dan melarang mereka dari empat perkara.” beliau menyambung lagi, Baginda telah menyuruh mereka supaya beriman kepada Allah yang maha esa, lalu bertanya, tahukah kamu apa itu beriman kepada Allah? Jawab mereka, Allah dan RasulNya yang lebih tahu, Baginda

⁷² Ini kerana orang-orang yang menemui Ibnu `Abbaas untuk meminta fatwa dengannya itu terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa. Menurut Qadhi `Iyaadh, Abu Jamrah itu ialah seorang Parsi. Beliau menjadi jurubahasa untuk orang-orang Parsi yang datang menemui Ibnu `Abbaas. Ada juga yang mengatakan beliau menjadi jurucakap Ibnu `Abbaas untuk orang-orang yang tidak memahami kata-katanya kerana berada jauh daripadanya atau bersesak-sesak dengan orang ramai.

⁷³ Ya`ni tentang hukum halal haramnya. ‘Jarr’ ialah tempayan besar yang diperbuat daripada tembikar dan disadur dengan kaca. ‘Nabidzil jarr’ ialah nabidz kurma dan sebagainya yang diperam di dalam tempayan itu.

⁷⁴ Menurut al-Qurthubi, di sini terdapat keraguan salah seorang perawi. Menurut al-Qasthllaani pula, ini ialah keraguan Syu`bah atau salah seorang gurunya.

⁷⁵ Di sini juga terdapat keraguan perawi seperti tadi.

bersabda, bersaksi bahawa tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah, dan bahawasanya Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, membayar zakat, berpuasa bulan Ramadhan serta menyerahkan satu per lima harta rampasan perang (kepada pihak kerajaan / pemerintah). Baginda s.a.w. telah melarang mereka daripada arak yang diperbuat di dalam kulit labu kering, tempayan tanah, bekas kayu dan tempayan yang disadur dengan tar.⁷⁶

باب الدعاء إلى الشهادتين وشرايع الإسلام

Bab Seruan Kepada Dua Kalimah Syahadah dan Syariat-syariat Agama Islam.

١٦ - عَنْ مُعَاذٍ قَالَ بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّكَ تَأْتِي قَوْمًا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ فَأَدْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّي رَسُولُ اللَّهِ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِدَلِّكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِدَلِّكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ فَتُرَدُّ فِي فُقَرَائِهِمْ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِدَلِّكَ فَإِيَّاكَ وَكَرَائِمَ أَمْوَالِهِمْ وَاتَّقِ دَعْوَةَ الْمَظْلُومِ فَإِنَّهُ لَيْسَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ اللَّهِ حِجَابٌ.

16- Mu'aadz meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w pernah menghantar aku (ke Yaman untuk berda'wah). Beliau s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya engkau akan pergi kepada satu golongan Ahli Kitab. Serulah mereka sehingga mereka mengakui bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan bahawa aku adalah Rasulullah."⁷⁷ Sekiranya mereka menurut

⁷⁶ Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah: (1) Sebagai beradab di hadapan Rasulullah s.a.w., adalah lebih baik menjawab 'Allah dan RasulNyalah yang lebih mengetahui' berbanding 'aku tidak tahu'. (2) Keharusan menerima dan beramal dengan khabar waahid atau hadits ahaad yang sahih. (3) Kewajipan menda'wah orang-orang kafir sebelum mereka diperangi. (4) Seseorang kafir tidak akan dihukum sebagai muslim selagi mereka tidak mengucap dua kalimah syahadah. (5) Sembahyang lima waktu difardhukan dalam sehari semalam. (6) Zakat harta juga difardhukan dengan syarat-syarat tertentu. (7) Pemerintah berkewajipan menghantar pegawai-pegawainya untuk memungut zakat atau menyediakan kemudahan untuk orang-orang yang hendak membayar zakat. (8) Hadits ini juga dijadikan dalil oleh sesetengah 'ulama' tentang kanak-kanak yang kaya juga berkewajipan membayar zakat. (9) Pemerintah seharusnya memberi bimbingan dan panduan kepada para pegawainya yang dihantar untuk sesuatu tugas. (10) Para pegawai yang memungut zakat dilarang daripada harta yang baik-baik atau harta yang terpilih sahaja daripada tuan punya harta. Mereka dikehendaki mengambil yang sederhana saja.

⁷⁷ Pendapat kebanyakan 'ulama' termasuk Imam Nawawi mengatakan: Orang kafir juga ditaklifkan dengan furu' syari'at. Sesetengah 'ulama' pula berpendapat, mereka tidak ditaklifkan

seruanmu itu, maka beritahulah kepada mereka bahawa Allah telah memfardhukan kepada mereka sembahyang lima waktu sehari semalam. Sekiranya mereka menurut itu, maka beritahulah kepada mereka bahawa Allah telah memfardhukan kepada mereka zakat⁷⁸, yang di ambil daripada orang-orang kaya dan di kembalikan kepada orang-orang fakir di kalangan mereka. Sekiranya mereka mengikut itu, maka elakkan dirimu daripada mengambil harta-harta mereka yang baik-baik.⁷⁹ Jagalah dirimu daripada terkena doa orang yang di zalimi, kerana tiada hijab di antara doanya dengan Allah.⁸⁰

١٧ - عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا نَعَتْ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ قَالَ إِنَّكَ تَقْدُمُ عَلَى قَوْمٍ أَهْلُ كِتَابٍ فَلْيَكُنْ أَوَّلَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ عِبَادَةُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ فَإِذَا عَرَفُوا اللَّهَ فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي يَوْمِهِمْ وَلَيْلَتِهِمْ فَإِذَا فَعَلُوا فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ زَكَاةً تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ فَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ فَإِذَا أَطَاعُوا بِهَا فَخُذْ مِنْهُمْ وَتَوَقَّ كِرَائِمَ أَمْوَالِهِمْ.

17 - Ibnu Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda ketika menghantar Mu'adz ke Yaman: "Engkau akan pergi kepada satu golongan Ahli Kitab. Hendaklah seruan yang mula-mula sekali engkau sampaikan kepada mereka ialah (ttg) pengabdian diri kepada Allah.⁸¹ Apabila mereka sudah mengenal Allah, ceritakan kepada mereka bahawa sesungguhnya Allah telah memfardhukan ke atas mereka sembahyang lima waktu sehari semalam. Jika mereka menerimanya, maka ceritakan pula kepada mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka zakat yang di ambil daripada orang-

dengan furu' syari'at. Sesetengah yang lain pula mengatakan, mereka hanya ditaklifkan dengan perkara yang dilarang (منهيات) sahaja, bukan yang disuruh (مأمورات).

⁷⁸ Disebutkan hanya sembahyang dan zakat sahaja kerana sembahyang berkait dengan hak-hak Allah yang paling utama. Manakala zakat pula berkaitan dengan hak-hak manusia yang paling utama.

⁷⁹ Tidak boleh memilih hanya yang baik-baik sahaja kerana ia akan memakan hak tuan harta. Tidak boleh juga mengambil hanya yang tidak elok sahaja kerana ia akan mengurangkan hak si penerima. Ambillah yang sederhana sahaja sabagai zakat mereka.

⁸⁰ **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Seseorang pemimpin boleh menghantar wakil atau pengganti untuk menyampaikan amanatnya. (2) Bertoleransi dalam menyampaikan da'wah. (3) Doa orang yang dizalimi maqbul di sisi Allah. (4) Larangan daripada menganiayai mana-mana pihak. (5) Pengagihan hasil negara secara adil dan saksama di kalangan ra'yat.

⁸¹ Sunnah Nabi s.a.w. ialah menyeru dan mengajak orang kafir kepada tauhid terlebih dahulu sebelum memerangi mereka.